

Kenaikan OPR diperlukan untuk kawal aliran wang, kekang inflasi



Pensyarah Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Othman Mohamed Berawi
bhrencana@bh.com.my

Langkah Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan kadar dasar semalaman (OPR) 25 mata asas daripada 2.75 kepada 3.00 peratus memang dijangka sejak penghujung tahun lalu lagi.

Kenaikan tidak dapat dibendung itu ekan langkah terbaru Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) yang berkeungkinan mengumumkan satu lagi kenaikan kadar faedah suku tahunan daripada 5.0 kepada 5.25 peratus.

Ia kenaikan tertinggi dan paling agresif sejak September 2007 menjadikannya peningkatan ke-10 berturut-turut dalam usaha AS menampas inflasi walaupun iro-

nanya kadar faedah hampir mencecah sifar setahun lalu.

Kenaikan kadar faedah ini mungkin turut diikuti zon Eropah dengan Bank Pusat Eropah (ECB) dijangka menaikkan kadar faedah utamanya kepada 3.75 peratus untuk kali ke-7 berturut-turut.

Bank England juga dijangka akan menaikkan kadar faedah untuk kali ke-12 kepada 4.5 peratus, juga kenaikan berturut-turut. Kenaikan kadar faedah ini akan meningkatkan kos peminjaman, menjadikan kedua-dua kos kredit dan pelaburan lebih mahal.

Namun, kenaikan ini dilihat sebagai wajar untuk memperlahankan ekonomi menggelembung. Hampir semua negara bergelut dengan kenaikan harga meruncing walaupun masing-masing menghadapi isu inflasi berbeza. Inflasi teras di United Kingdom (UK) dan zon Eropah mencecah 5.7 peratus pada Mac lalu, manakala di AS ia mencapai 5.6 peratus.

Diakui, kenaikan OPR mengundang kritikan

orang ramai dan sebahagian ahli ekonomi diktakan menjejaskan pinjaman dan pelaburan akibat kos semakin meningkat, tetapi hakikatnya kenaikan ini perlu untuk memperlahankan tekanan ekonomi terutama inflasi agresif.

Lebih munasabah berbanding langkah fiskal

Justeru, langkah BNM menaikkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus dilihat sebagai wajar dalam jangka pendek bagi mengurangkan tekanan harga dan inflasi. Langkah kewangan ini lebih munasabah berbanding langkah fiskal yang akan meningkatkan kadar cukai dan mengundang kritikan rakyat.

Peningkatan mata asas OPR ini dijangka akan mengurangkan kuasa beli masyarakat dan kemampuan membuat kredit atau pinjaman. Pegangan dan aliran tunai tinggi dalam ekonomi hanya menekan pasaran domestik, akhirnya menyebabkan kenaikan harga barangan di pasaran, seterusnya meningkatkan inflasi sememangnya tinggi.

Oleh itu, langkah BNM menaikkan OPR adalah diperlukan untuk mengawal aliran wang dalam pasaran bagi mengekang inflasi.

Kesan langsung dan serta-merta OPR ini dijangka akan menjejaskan individu dan penggerak industri

yang membuat kredit dengan mengambil kadar terapan. Namun, mereka berhutang dengan mengambil kadar tetap tidak terjejas dari segi komitmen.

Di satu pihak lagi, kesan negatifnya pasti kepada peminjam baharu kerana terpaksa menanggung komitmen pada kadar faedah baharu lebih tinggi berbanding kadar lebih rendah sebelum ini.

Namun, semakin kurang kemampuan meminjam, semakin kurang aliran wang dalam pasaran dan semakin kurangnya kuasa beli. Putaran ini diharap mampu menurunkan harga barangan dan mengekang inflasi kerana tekanan permintaan semakin kurang.

Bagaimanapun, kenaikan kadar OPR selanjutnya adalah berisiko kemelesetan dan dikuatir menjejaskan golongan berpendapatan rendah serta sederhana.

Dari satu aspek lain, kerajaan juga boleh mengawal inflasi melalui dasar fiskal dengan meningkatkan kadar cukai agar rakyat kurang berbelanja dan meredakan halaju kitaran wang, namun pelaksanaan dasar pasti menjadi isu serta meningkatkan sentimen rakyat terbanyak terutama dalam bahang politik tempatan sentiasa berubah-ubah.

